

21 OGOS 2017

Isteri tauke ketum ditahan

52

DARI KELANTAN. TERENGGANU

ISIN 21 OGOS 2017 • SINAR HARIAN

Isteri tauke ketum ditahan

Polis temui air, daun ketum dan ubat batuk bernilai RM11,000

BESUT - Isteri kepada seorang tauke air ketum dan ubat batuk terpaksa bermalam dalam lokap sejak Khamis lalu selepas ditahan dalam satu serbuan di Kampung Beris Lampu dekat Kuala Besut.

Tindakan wanita berusia 34 tahun dipercayai bersubahat dengan suaminya yang masih bebas itu bukan sahaja menimbulkan masalah kepada dirinya tetapi menyusahkan banyak pihak termasuk bayinya berusia empat bulan dan masih menyusu badan.

Bayi wanita berkenaan terpaksa diserahkan kepada waris terdekat sementara suspek ditahan reman untuk membantu siasatan.

Ketua Polis Daerah Besut, Superintendan Mohd Zamri Mohd Rowi berkata, rumah sama pernah diserbu polis pada hujung bulan Jun lepas dan suami wanita berkenaan yang berusia 48 tahun telah ditahan untuk siasatan lanjut

sebelum dibebaskan dengan jaminan polis sementara menunggu laporan kimia.

Menurutnya, ternyata suspek utama tidak serik apabila serbuan kali ini berjaya menemui sejumlah besar bahan itu namun kali ini suspek tiada di rumah.

"Dalam serbuan bersama Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu jam 10.30 pagi, polis berjaya membaratkan isteri suspek utama dan dua lelaki.

"Ketika serbuan wanita ini berada di ruang tamu manakala seorang lelaki berusia 27 tahun dipercayai pelanggan berada di dalam rumah dan seorang lagi lelaki berusia 34 tahun sedang menyidai pakaian," katanya.

Mohd Zamri berkata, pemeriksaan lanjut di dalam bilik belakang dan dapur rumah telah menemui 36 bungkus plastik berisi daun ketum seberat 180 kilogram, 120 bungkus air



Air ketum dan ubat batuk yang dirampas di sebuah rumah di Kampung Beris Lampu.

(120 liter) ketum, 139.6 liter ubat batuk, 48 botol minuman berkarbonat dan beberapa peralatan dipercayai digunakan untuk merebus air ketum.

"Suspek lelaki yang berusia 34 tahun beralamat di Kampung Kok Lanas,

Keteroh, Kelantan dikatakan baru seminggu bekerja menjual dan merebus air ketum di rumah suspek manakala semua urusan beli daun ketum didalangi tuan rumah (suspek utama).

"Seorang lagi lelaki datang ke rumah itu untuk membeli

air ketum dan saringan air kencing terhadap kedua-dua mereka mendapati positif dadah jenis amphetamine (pili kuda) sementara wanita ini negatif dadah," katanya.

Beliau berkata, kesemua rampasan itu dianggarkan bernilai RM11,000.

INFO
● Dipercayai bersubahat dengan suami yang masih bebas

"Wanita ini mengetahui tentang kegiatan penjualan air ketum tetapi tidak tahu punca bekalan daun ketum diperolehi," katanya.

Susulan itu katanya, polis berusaha mengesan suami wanita berkenaan yang beralamat di Kampung Jelawat, Bachok, Kelantan dipercayai sedang bersembunyi mengelak dicekup.

"Sebelum ini suspek utama pernah ditangkap bersama 25 bungkus air ketum dan diasiat di bawah Seksyen 30 (3) Akta Racun 1952," katanya.

Bagi kes melibatkan tangkapan tiga suspek itu, kes diasiat di bawah 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 30 (3) Akta Racun 1952.